



LEMBAGA KEMAJUAN JOHOR TENGGARA (KEJORA)

NOTIS TAWARAN KERJA-KERJA UNDIAN BIL.03/2026 BAGI PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT SEJAHTERA (PPRS) DI DAERAH KOTA TINGGI & KLUANG

1. Sukacita dimaklumkan KEJORA akan Melaksanakan Proses Undian Fizikal Bil.03/2026 bagi pelaksanaan Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS) Di Daerah Kota Tinggi dan Kluang
2. Semua kontraktor Gred 'G1' yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM @ CIDB) yang beralamat **HANYA** di daerah **KOTA TINGGI & KLUANG SAHAJA LAYAK** untuk mengambil bahagian dalam cabutan undi ini.
3. Kontraktor yang berminat hendaklah membuat **PENDAFTARAN SECARA ATAS TALIAN (Online)** di laman eperolehan KEJORA bermula dari **24 September 2026 (Khamis) sehingga 28 September 2026 (Isnin) jam 12.00 Tengahari** Status Pendaftaran Kontraktor akan dimaklumkan melalui Aplikasi Whatsap selepas tarikh tutup pendaftaran.
4. Sesi undian akan diadakan sebagaimana ketetapan berikut:

Tarikh	:	<u>30 September 2026 (Rabu)</u>
Masa Pendaftaran	:	8.30 Pagi hingga 10.00 Pagi
Masa Pengundian	:	10.30 Pagi
Tempat	:	Bilik Taklimat, Ibu Pejabat KEJORA Bandar Penawar.

5. Para kontraktor yang disahkan layak untuk menyertai kerja undian ini adalah dikehendaki menghadirkan diri pada waktu yang telah ditetapkan. Mereka yang hadir selepas jam **10.00 Pagi** tidak akan dibenarkan menyertai kerja undian ini.


MUHAMMAD NORASHID BIN AMIR
PENGURUS KAWAT (PENGURUSAN PEMEGANG TANGKUPAN DAN PROJEK KHAS) WJ

6. Syarat-syarat :

- i. Berdaftar dalam Sistem ePerolehan KEJORA
- ii. Sijil- Sijil SSM, BPKU, CIDB & SPKK masih sah ;
- iii. Mempunyai Gred/Kategori/Pengkhususan yang berkaitan :
Bagi Kerja-kerja Kontraktor Daerah Kota Tinggi
Gred : G1
Kategori : CE : CE21
DAN
Gred : G1
Kategori : B : B04 ATAU B22

Bagi Kerja-kerja Kontraktor Daerah Kluang
Gred : G1
Kategori : CE : CE21
DAN
Gred : G1
Kategori : B : B04 ATAU B24
- iv. Sijil Pematuhan Cukai Tahun 2026 'PATUH'.
(Tax Complainece Certificate – TCC)
- v. Tiada kerja-kerja semasa dengan KEJORA

7. Hanya penama-penama yang namanya tercatat di dalam sijil Pendaftaran BPKU BUMIPUTERA atau SPKK sahaja yang layak dan dibenarkan untuk mendaftar di meja pendaftaran. **Wakil daripada pihak kontraktor adalah tidak dibenarkan.** Sila bawa bersama cop syarikat ketika sesi cabutan undian dibuat.
8. Senarai projek-projek yang terlibat dalam tawaran kerja secara undi ini adalah seperti di Lampiran.